




Memori berharga



“

## Wahai Wanita, bersedialah untuk hari hujan!

RCCA Tan Yi Hui

Housewife

Bagaimana RCCA Tan Yi Hui menemui dan memulakan perjalanan BEnya sememangnya suatu kisah inspirasi yang akan memotivasikan ramai orang. Apabila rakan baiknya dan upline Aries mengesyorkan AULORA PANTS with Kodenshi® kepadanya, BE baru sahaja ditubuhkan selama dua bulan. “Ketika itu, saya hanya ada RM1,000 dalam akaun saya. Sepasang seluar itu dan yuran keahlian sudah berkost lebih RM800,” katanya. “Kenapa saya masih meneruskannya? Ini adalah kerana kaum wanita memang tidak kedekut pasal kecantikan!”

Selepas membeli seluar itu, Yi Hui segera mencari ulasan tentangnya di internet. Tidak ada! Itu tidak mengejutkan kerana produk dan syarikat itu baru berada di pasaran selama dua bulan. “Sejujurnya, saya fikir saya telah ditipu. Tetapi saya mempercayai rakan saya, dan disebabkan saya telah membeli seluar itu, saya juga boleh memakainya.”



BMW pertama saya



Berjuang bersama untuk melayakkan diri ke BE Lifestyle ke Turki

Menghadiri mesyuarat kepimpinan pertama saya



Dilhamkan oleh uplinenya, RCCA Aries yang aktif menyiarkan gambar cantiknya memakai AULORA PANTS with Kodenshi® di media sosial, Yi Hui, yang tidak asing lagi dalam perniagaan MLM, kagum dengan perubahan perniagaan jualan langsung mengikut peredaran zaman. "Kami kini boleh memanfaatkan media sosial dan teknologi dengan mudah untuk membina rangkaian dan perniagaan kami. Apa yang saya lakukan adalah dengan tekun menyiarkan di media sosial saya dan tidak lama kemudian, rangkaian dan perniagaan BE saya telah berkembang ke Malaysia Timur!"

### BE bukan sekadar perniagaan tetapi keluarganya

12 Januari 2022 merupakan hari paling sedih bagi Yi Hui. Suaminya rebah di bilik air dan meninggal dunia. Tiada simptom atau amaran. "Kehidupan saya hancur sama sekali. Saya sesat dan kebuntuan. Saya tidak dapat menerima hakikat bahawa cinta hidup saya telah hilang. Saya menangis sehari-hari. Apabila upline saya Aries dan Mario datang melawat saya, saya memberitahu mereka, 'Saya telah kehilangan segala-galanya'. Kemudian Mario memberitahu saya, 'Tidak, anda masih mempunyai kami.' Kemudian saya sedar bahawa saya masih mempunyai mereka, keluarga BE dan perniagaan. Saya bersyukur bahawa saya membuat pilihan untuk menyertai BE lima tahun lalu."

Yi Hui selalu bergantung kepada suaminya untuk setiap perkara besar dan kecil. "Sekarang beliau sudah tiada, saya perlu berdikari. Kehidupan ini adalah sementara - kita perlu menghargai orang yang kita sayangi setiap saat. Risiko terbesar yang dihadapi oleh wanita berumah tangga adalah kehilangan suami mereka. Jadi, kita mesti mengetahui kepentingan 'membaiki rumah sebelum hujan' supaya apabila apa-apa berlaku, kita bersedia dan mempunyai kekuatan untuk berjuang. Dalam kes saya, saya bersyukur kerana mempunyai keluarga BE, perniagaan, upline dan downline saya."



Bergambar bersama pengasas



Kempen BE Lifestyle ke Melbourne



Gambar kenangan yang diambil pada tahun 2018 semasa saya hamil 38 minggu. Anak perempuan saya dilahirkan pada bulan Mei tahun yang sama.

Beberapa bulan selepas kematian suaminya, Yi Hui menjadi RCCA ke-50 BE. "Kejayaan tidak berlaku dalam sekelip mata. Anda tidak boleh hanya duduk dan menunggu keajaiban berlaku. Anda perlu bekerja keras. Ingat, menyerah adalah mudah tetapi anda tidak akan mendapat apa-apa; terus berjuang adalah amat sukar, tetapi ia akan memberi banyak ganjaran."